

MINGGU 05

WAJIB-WAJIB HAJI:

**NIAT DI MIQAT, LARANGAN DALAM
IHRAM, DAM & MABIT DI MUZDALIFAH**



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

- 1 Mengetahui pengertian wajib Haji.
- 2 Memahami maksud Miqat Makani dan Zamani.
- 3 Mengetahui 13 perkara larangan dalam ihram.
- 4 Mengetahui pengertian dam dan jenis-jenisnya.
- 5 Memahami maksud bermalam (mabit) di Muzdalifah.

ISI KANDUNGAN

1 Pengertian Wajib Haji**2** Wajib Haji 1: Niat Ihram di Miqat

- ▶ Pengertian Miqat
- ▶ Jenis Miqat

3 Wajib Haji 2: Larangan Ihram

- ▶ 13 Larangan Ihram

4 Dam

- ▶ Pengertian Dam
- ▶ Sebab diwajibkan Dam
- ▶ Jenis-jenis Dam

5 Wajib Haji 3: Bermalam (Mabit) di Muzdalifah

- ▶ Masa Bermabit

PENGERTIAN WAJIB HAJI



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU
05

Wajib-wajib Haji

PELAKSANAAN RUKUN & WAJIB HAJI



1

Niat Ihram Haji



2

Niat di Miqat

Larangan
Ihram

3



4

Wuquf di
Arafah



5


Mabit di
Muzdalifah



6

Melontar
Jamrah Kubra
pada 10 Zulhijjah

SERENTAK



12

Tertib pada
Kebanyakan
Rukun


11

Sa'ie



10

Tawaf



9

Melontar
Ketiga-tiga
Jamrah pada 11, 12
& 13 Zulhijjah



8

Mabit di Mina
11, 12 dan 13
Zulhijjah



7

Bergunting/
Bercukur



RUKUN HAJI



WAJIB HAJI



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

PENGERTIAN WAJIB HAJI

- **Wajib haji ialah perkara-perkara yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji.**
- **Jika tidak dilakukan salah satu daripadanya haji tersebut tetap sah tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya dan menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.**



PENGERTIAN WAJIB HAJI



WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT



TABUNG HAJI
حي على الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT

MADINAH

ZU AL-HULAIFAH/BI'R ALI
(425KM)

MAKKAH

QARN AL-MANAZIL
(94KM)

LAUT MERAH

JEDDAH

TELUK PARSI



MINGGU

05

Wajib-wajib Haji

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT

PENGERTIAN MIQAT



Miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat ihram Haji atau Umrah.

Miqat Zamani
(Masa)

Jenis Miqat

Miqat Makani
(Tempat)


NOTA

Jika berniat ihram setelah melintasi Miqat Makani:
Dikenakan Dam Tertib dan Taqdir.

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT**JENIS MIQAT: MIQAT ZAMANI**

Waktu bermula dan berakhir Miqat Zamani bagi Haji ialah:

1. Bermula 1 Syawal sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah, tempoh inilah yang dinamakan bulan-bulan haji.
2. Tidak sah ihram haji jika dilakukan di luar dari tempoh tersebut.
3. Jika berniat di luar dari tempoh yang ditentukan, maka niat ihramnya menjadi ihram umrah.




**Sebelum Terbit
Fajar 10 Zulhijjah**

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT

JENIS MIQAT: MIQAT MAKANI

إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ ذَا الْحُلَيْفَةِ
وَلِأَهْلِ الشَّامِ الْجُحْفَةَ وَلِأَهْلِ نَجْدٍ قَرْنَ الْمَنَازِلِ وَلِأَهْلِ الْيَمَنِ يَلَمْلَمَ
هُنَّ لَهُنَّ وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِهِنَّ مِمَّنْ أَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ
وَمَنْ كَانَ دُونَ ذَلِكَ فَمِنْ حَيْثُ أَنْشَأَ حَتَّى أَهْلُ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ



Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A., bahawa Nabi S.A.W. telah menetapkan Zu al-Hulaifah sebagai Miqat penduduk Madinah, al-Juhfah untuk penduduk Syam, Qarn al-Manazil untuk penduduk Najd dan Yalamlam untuk penduduk Yaman. Demikian Miqat yang telah ditetapkan untuk mereka dan untuk orang-orang yang hendak melakukan haji dan umrah. Adapun selain itu maka miqatnya dari tempat ia memulai, bahkan penduduk Makkah miqatnya dari Makkah.

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim [1524]

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT

Miqat Makani Bagi Mereka Yang di Luar Miqat (Afaqi)

MADINAH

1

ZU AL-HULAIFAH/BI'R ALI (425KM)
(dari Madinah ke Makkah)

MAKKAH

2

QARN AL-MANAZIL (94KM)
(dalam pesawat dari Malaysia
ke Jeddah)


JEDDAH

TELUK PARSY

LAUT MERAH

NOTA

Di salah satu Miqat di atas, jemaah yang mengerjakan Haji Qiran dan Haji Iفراد, akan berniat Haji. Manakala jemaah yang mengerjakan Haji Tamattu' akan berniat Umrah sahaja.

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT**JENIS MIQAT: MIQAT MAKANI**

Miqat Makani Bagi Penduduk Makkah dan Jemaah yang berada di Makkah:

- **Afdhal berniat haji di hotel dan maktab penginapan.**
- **Harus berniat selagi masih berada dalam sempadan Tanah Haram Makkah.**

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT

AMALAN SUNAT IHRAM

SEBELUM BERNIAT IHRAM

- Mengerat kuku
- Merapikan misai dan rambut
- Menanggalkan bulu ketiak dan ari-ari
- Memakai minyak rambut
- Memakai minyak wangi (di badan)
- Mandi sunat ihram
- Berwuduk
- Memakai kain ihram berwarna putih
- Solat sunat ihram (bukan pada waktu Tahrim)

SEMASA BERNIAT IHRAM

- Mengadap ke arah kiblat
- Di atas kenderaan
- Berada dalam keadaan wuduk

SELEPAS BERNIAT IHRAM

- Bertalbiah, berdoa, membaca al-Quran dan berzikir
- Tidak berbual kosong (lagha)

WAJIB HAJI 1: NIAT IHRAM DI MIQAT**SUNAT IHRAM****NOTA**

- Jemaah Haji yang melakukan Haji Tamattu' akan berniat ihram Haji di bangunan penginapan di Makkah pada 8 Zulhijjah (Hari Tarwiyyah) sebelum bertolak ke Arafah.
- Jemaah Haji yang telah berniat Haji Ifrad/Qiran ketika masuk ke Makkah (Qarn al-Manazil/Bi'r Ali), tidak perlu mengulangi niat pada 8 Zulhijjah.

WAJIB HAJI 2: LARANGAN IHRAM



TABUNG HAJI
حي على الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

WAJIB HAJI 2: LARANGAN IHRAM

PENGERTIAN LARANGAN IHRAM

Larangan ihram adalah perkara dan perbuatan yang dilarang dilakukan selama dalam keadaan berihram dari mula berniat ihram sehingga Tahallul.

Seandainya dilakukan oleh orang yang sudah berniat ihram haji atau umrah, maka ia akan memberi kesan terhadap ibadah Haji atau Umrah.

WAJIB HAJI 2: LARANGAN IHRAM

فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ

Maka tidak boleh melakukan perkara tidak senonoh,
tidak boleh melakukan maksiat dan tidak boleh
bertengkar dalam masa mengerjakan Haji.

- (Surah al-Baqarah: ayat 197)

3 larangan ihram yang terdapat dalam ayat ini:

- *Rafath* (perkara yang membangkitkan syahwat dalam bentuk perkataan, perbuatan dan pandangan)
- *Fusuq* (perkara yang mencakupi segala bentuk maksiat dan dosa)
- *Jidal* (pertenggaran atau perbalahan dengan tujuan untuk menyakiti)

WAJIB HAJI 2: LARANGAN IHRAM

13 LARANGAN IHRAM

JENIS TARAFFUH (BERSUKA/BERSERONOK/BERHIAS)

-  1. Memakai pakaian bersarung dan bercantum (Lelaki)
-  2. Menutup kepala/sebahagian daripadanya (Lelaki)
-  3. Menutup muka (Wanita)
-  4. Memakai sarung tangan
-  5. Memakai minyak di kepala/janggut/semua bulu di muka selain daripada bulu halus yang tumbuh di pipi dan dahi
-  6. Memakai dan menghidu wangian sama ada di badan dan pakaian
-  7. Pendahuluan persetubuhan
-  8. Melakukan persetubuhan
-  9. Berkahwin/mengahwinkan /menerima wakil kahwin

Sengaja: Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa & tidak dikenakan dam.

WAJIB HAJI 2: LARANGAN IHRAM

13 LARANGAN IHRAM

JENIS ITLAF (MENGGUGUR/MENGHILANG/MEROSAK/MEMBINASA)

- | | | | | | |
|-----|--|-------------------------------|-----|--|---|
| 10. |  | Menanggalkan rambut atau bulu | 12. |  | Menebang, mencabut pokok/tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram |
| 11. |  | Mengerat atau memotong kuku | 13. |  | Memburu dan membunuh binatang buruan |

* Perkara no. 12 & 13 tidak boleh dilakukan dalam Tanah Haram walaupun semasa berhram atau di luar ihram.

Sengaja: Berdosa & dikenakan dam.
Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa tetapi dikenakan dam.

DAM

DAM**PENGERTIAN DAM****BAHASA****Darah****SYARAK**

Ibadat gantian yang merupakan binatang al-An'am (berkaki empat) yang dikorbankan seperti unta, lembu, kambing atau kibasy atau gantinya daripada makanan di Tanah Haram atau puasa yang dikenakan ke atas mereka yang menunaikan haji atau umrah atas sebab-sebab tertentu.



*** Kadar secupak = SR5.00
(mula digunakan pada Musim Haji 1432H)**

DAM

SEBAB DIWAJIBKAN DAM

Sebab Diwajibkan Dam

Meninggalkan perkara-perkara wajib Haji dan Umrah.

Melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa dalam ihram.

Berlaku ihsar bagi orang yang telah berniat ihram (terhalang daripada menyempurnakan wuquf di Arafah, Tawaf atau Sa'ie dengan sebab ketakutan daripada musuh, penyakit dan sebagainya).

Melaksanakan Haji Tamattu' atau Qiran (menurut syarat-syarat yang wajib dibayar dam).

Luput Wuquf di Arafah setelah berniat ihram.

Melanggar nazar semasa mengerjakan Haji.

Meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur syari'e.

DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM TERTIB DAN TAQDIR****DAM TERTIB DAN TAQDIR**

Maksud tertib ialah mengeluarkan bayaran dam mengikut tertib, bermakna tidak boleh dipilih atau diganti dengan yang lain kecuali tidak berkemampuan mengeluarkan bayaran yang pertama. Taqdir pula merujuk kepada kadar dam tersebut yang telah ditetapkan oleh syarak.

DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM TERTIB DAN TAQDIR****SEBAB DIKENAKAN DAM**

1. Melaksanakan Haji Tamattu' (dengan syarat-syaratnya).
2. Melaksanakan Haji Qiran (dengan syarat-syaratnya).
3. Tidak berniat ihram di miqat.
4. Luput wuquf di Arafah.
5. Tidak melontar jamrah.
6. Tidak mabit di Mina (dengan syaratnya).
7. Tidak mabit di Muzdalifah (dengan syaratnya).
8. Meninggalkan Tawaf Wada'.
9. Melanggar nazar dalam mengerjakan haji.



Menyembelih seekor kibasy atau kambing atau 1 daripada 7 bahagian lembu atau unta di Tanah Haram

Jika tidak mampu

Berpuasa 10 hari: 3 hari semasa berihram dan 7 hari apabila balik ke kampung halamannya

Jika tidak mampu

Hendaklah bersadaqah 10 cupak makanan asasi

Jika tidak mampu

Tertanggunglah di atas zimmahnya

DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM TERTIB DAN TA'DIL****DAM TERTIB DAN TA'DIL**

Maksud tertib ialah mengeluarkan bayaran dam mengikut tertib, bermakna tidak boleh dipilih atau diganti dengan yang lain kecuali tidak berkemampuan mengeluarkan bayaran yang pertama, Ta'dil pula menggantikan bayaran dam dengan berpuasa jika tidak mampu untuk mengeluarkan makanan.

JENIS-JENIS DAM: DAM TERTIB DAN TA'DIL

SEBAB DIKENAKAN DAM

1. Persetubuhan yang **merosakkan haji**, iaitu persetubuhan yang dilakukan sebelum Tahallul Awwal atau sebelum selesai kerja-kerja umrah.



Menyembelih seekor unta yang boleh dibuat korban

Jika tidak mampu:
menyembelih seekor lembu

Jika tidak mampu:
menyembelih 7 ekor kambing

Jika tidak mampu:
hendaklah membeli makanan dengan nilai seekor unta dan disadaqahkan kepada fakir dan miskin di tanah haram Makkah

Jika tidak mampu:
hendaklah berpuasa sejumlah hari mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor unta

NOTA

Dam wajib ditanggung oleh suami.

DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM TERTIB DAN TA'DIL****SEBAB DIKENAKAN DAM**

2. Berlaku ihsar (ditahan musuh, penyakit, arahan pihak keselamatan) daripada menyempurnakan kerja-kerja Haji atau Umrah selepas berniat ihram Haji atau Umrah atau kedua-duanya sekali.



Menyembelih seekor kambing atau satu bahagian unta yang sah dibuat korban ditempat ditahan seterusnya bercukur atau bergunting

Jika tidak mampu

Hendaklah membeli makanan asasi tempatan dengan nilai seekor kambing dan dibahagikan kepada fakir dan miskin tempatan seterusnya bercukur atau bergunting

Jika tidak mampu

Hendaklah berpuasa beberapa hari mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor kambing seterusnya bercukur atau bergunting

NOTA

Dam ini juga dinamakan Dam Ihsar.

DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM IHSAR**

Dam Ihsar juga boleh diguna pakai untuk menyelesaikan masalah wanita yang datang haid dan tidak dapat melakukan Tawaf Haji/Umrah kerana terpaksa balik ke Tanah Air. Begitu juga pesakit yang berpenyakit berat yang terpaksa dihantar balik ke Malaysia untuk rawatan lanjut (kedua-dua golongan ini, Haji/Umrahnya belum selesai).

Dam ini hendaklah dilaksanakan setelah keluar dari Makkah sekadar 2 marhalah (81KM) atau lebih.


Apabila wanita ini telah suci dan mandi hadas besar, begitu juga pesakit telah sembuh, wajib kembali ke Makkah pada bila-bila masa untuk menyelesaikan Haji/Umrah yang belum selesai. Sekiranya jemaah ini meninggal dunia, maka Haji atau Umrahnya wajib dibadalkan.

(BAGI HAJI DAN UMRAH WAJIB - PERTAMA KALI)

JENIS-JENIS DAM: DAM TAKHYIR DAN TA'DIL

DAM TAKHYIR DAN TA'DIL

Maksud takhyir ialah boleh memilih antara jenis-jenis dam yang diwajibkan. Ta'dil pula menggantikan bayaran dam dengan berpuasa jika tidak mampu untuk mengeluarkan makanan.



JENIS-JENIS DAM: DAM TAKHYIR DAN TA'DIL**SEBAB DIKENAKAN DAM**

1. Memburu binatang darat yang halal dimakan atau membinasakannya di Tanah Haram atau Halal semasa dalam ihram
2. Memburu binatang yang halal dimakan atau membinasakannya di Tanah Haram Makkah semasa tidak berihram

(Belalang adalah binatang buruan)

Atau

Memotong, menebang atau mencabut pokok di Tanah Haram Makkah (kecuali pokok mati)

Menyembelih binatang ternakan al-An'am mengikut bandingan binatang atau bandingan pokok

Atau

Membeli makanan mengikut nilai harga binatang ternakan al-An'am dan disadaqahkan kepada fakir dan miskin di Tanah Haram Makkah

Atau

Berpuasa beberapa hari sebanyak bilangan cupak makanan yang dapat dibeli mengikut nilai binatang ternakan al-An'am (1 cupak bersamaan 1 hari)

DAM

JENIS-JENIS DAM: DAM TAKHYIR DAN TAQDIR

DAM TAKHYIR DAN TAQDIR

Maksud takhyir ialah boleh memilih antara jenis-jenis dam yang diwajibkan. Taqdir pula merujuk kepada kadar dam tersebut yang telah ditetapkan oleh syarak.



DAM**JENIS-JENIS DAM: DAM TAKHYIR DAN TAQDIR****SEBAB DIKENAKAN DAM**

1. Menanggalkan/mencabut/menggunting 3 helai dan lebih rambut/bulu dari mana-mana anggota badan.
2. Memakai pakaian bersarung/bercantum/berjahit (lelaki).
3. Memotong/menanggalkan/membinasakan kuku.
4. Memakai wangi-wangian sama ada di badan, pakaian atau menghidunya ke dalam hidung.
5. Menutup muka atau sebahagian daripadanya (wanita).
6. Memakai sarung tangan.
7. Memakai minyak di kepala/janggut/semua bulu di muka selain daripada bulu halus yang tumbuh di pipi dan dahi.
8. Melakukan pendahuluan persetubuhan (dam untuk lelaki sahaja).
9. Melakukan persetubuhan selepas selesai Tahallul Awwal tetapi belum selesai Tahallul Thani (dam lelaki sahaja).
10. Melakukan persetubuhan selepas persetubuhan yang merosakkan haji (dam lelaki sahaja).

Menyembelih seekor kibasy/kambing di tanah haram

Atau

Bersadaqah kepada 6 orang fakir miskin sebanyak 2 cupak makanan tiap-tiap seorang

Atau

Berpuasa 3 hari

JENIS TARAFFUH (Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Memakai pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Memakai sarung tangan
5. Mengenakan bau-bauan
6. Memakai minyak di kepala & janggut
7. Pendahuluan persetubuhan

8. Bersetubuh

9. Nikah kahwin

NOTA

Sengaja:

- Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil:

- Tidak berdosa
- Tidak dikenakan dam.

Dam
Takhyir
& Taqdir

Dam
Takhyir
& Ta'dil

Dam
Tertib
& Ta'dil

Tiada Dam.
Nikah
tidak sah

JENIS ITLAF (Menggugur/Menghilang/ Merosak/Membinasa)

10. Menggugurkan rambut/
bulu di badan
11. Memotong kuku

12. Memburu & membunuh
binatang buruan
13. Menebang, mencabut
pokok/tumbuh-tumbuhan

NOTA

Sengaja:

- Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil:


- Tidak berdosa tetapi
dikenakan dam.

WAJIB HAJI 3: BERMALAM (MABIT) DI MUZDALIFAH



WAJIB HAJI 3: BERMABIT DI MUZDALIFAH

Mabit di Muzdalifah bererti berada di bumi Muzdalifah walaupun seketika, mulai separuh malam 10 Zulhijjah dan sebelum terbit fajar hari tersebut.

**WAKTU MABIT**

Mulai separuh malam 10 Zulhijjah sehingga sebelum terbit fajar

WAJIB HAJI 3: BERMABIT DI MUZDALIFAH**AMALAN SUNAT**

- Talbiah
- Berdoa
- Berzikir
- Solat Sunat
- Mengutip 7 biji anak-anak batu untuk melontar Jamrah Kubra

CONTOH-CONTOH PENGECUALIAN MABIT JIKA UZUR:

- Takut terancam keselamatan diri/harta
- Menjaga atau menemani orang sakit
- Mencari pekerja/keluarga yang hilang
- Mengidap penyakit yang sukar baginya untuk bermalam di Muzdalifah
- Petugas yang bertugas menguruskan kebajikan jemaah

NOTA

Jika meninggalkan Mabit di Muzdalifah tanpa uzur syari'e adalah berdosa dan diwajibkan Dam Tertib dan Taqdir.

KESIMPULAN**1**

Niat ihram perlu dilakukan pada masa dan tempat tertentu.

2

13 larangan dalam ihram terbahagi kepada Taraffuh dan Itlaf.

3

Dam adalah ibadat gantian berbentuk sembelihan binatang al-An'am atau makanan atau berpuasa atas sebab tertentu.

4

Waktu bermalam di Muzdalifah ialah pada separuh malam 10 Zulhijjah walaupun seketika.

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.

Hadirku sebagai Dhuyufurrahman Kembaliku dengan Kemabruran

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI

DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

*Haji Yang Mabror &
Umrah Yang Maqbulah*



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919